

Pertikaian Australia Asean selesai: Hawke

NEW DELHI, Selasa — Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, hari ini berkata, Canberra dan kelima-lima negara anggota Asean telah menyelesaikan pertikaian mereka berhubung isu Kam-puchea.

Belau memberitahu sidang akhbar bahawa pertemuannya dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, di Sidang Kemuncak Komanwel di sini mengahayakan hubungan mesra dan membina.

"Lee berkata, semua

masalah telah berlarut dan berakhir begitu. Tetapi, antara dua negara yang berakut tegas dan berterus terang seperti Australia dan Singapura, perbezaan pendapat mungkin berlaku di masa depan.

"Rangka kerja yang rapat dan hubungan yang membina itu sahaja yang saya yakin dapat menyelesaikan setiap perubahan dengan memuaskan.

Menurut Hawke, memang ada masanya di mana perbezaan pendapat dengan Asean sengaja diperbesar. Me-

masang ada pertikaian, tetapi ia tidak menjejaskan hubungan Australia dengan Asean.

Dasar Australia dan Asean mengenai isu Kam-puchea, pada dasarnya adalah sama, katanya. Kedua-duanya mahukan syarat yang sama sebagai penyelesaian — termasuk pengunduran tentera Vietnam, proses yang mengembalikan taraf merdeka dan berkecuali Kam-puchea, dan kepulauan orang-orang pelariannya.

Katanya, perbezaan

pendapat sahaja yang menyebabkan Australia memutuskan tidak menyokong usul Asean mengenai isu Kam-puchea di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perbezaan itu ialah berhubung peranan Khmer Rouge dalam kerajaan campuran Demokratik Kam-puchea yang menentang rejim Hong Samrin sokongan Vietnam di Phnom Penh.

Keputusan Australia tidak menyokong usul itu ialah kerana tuduhan-tuduhan yang meluas tentang kekejaman Khmer

Rouge ketika memerintah Kam-puchea.

"Perkara ini memang difahami oleh rakan-rakan kami dalam Asean dan kata-kata bahawa salah faham itu telah selesai bukanlah keluar dari mulut saya sahaja, bahkan dari rakan-rakan Asean kami di Bangkok juga yang menjelaskan ia sudah selesai," katanya.

Negara anggota Asean ialah Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Singapura dan Malaysia juga menjadi anggota negara-negara Komanwel. — Reuter.

'Australia-Asean akan selalu berhubung melalui telefon'

SYDNEY, Selasa — Menteri Luar, Bill Hayden, berkata Australia dan Asean akan cuba selalu berhubung rapat melalui telefon.

Hayden, yang pulang dari lawatan ke Thailand, Burma dan Indonesia, berkata kini persefahaman antara negaranya dengan Asean bertambah baik.

Belau membincangkan pertikaian berikutan keengganan Australia menyokong usul di Bangsa-Bangsa Bersatu ketika lawatannya itu.

"Saya rasa perkara terpenting sekarang ialah kami telah membuat perjanjian di mana hubungan melalui telefon akan sentiasa diadakan di peringkat tidak rasmi tetapi berkesan," kata Hayden kepada para pemberita.

Katanya, orang yang akan menjadi penghujung itu ialah Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadjo, Pengerusi Asean.

Menurut Hayden lagi, hubungan Asean dengan Australia adalah mantap, sihat dan kukuh.

Tetapi, dengan menggunakan telefon, tujuannya ialah untuk mengurangkan tempat-tempat yang mungkin timbul salah faham. — Reuter.

Thailand kaji dasar untuk tingkatkan saingan bank

BANGKOK, Selasa — Thailand sedang menimbang untuk membuka bank yang didaftarkan, akan ditumukan awal tahun depan.

Walaupun bank-bank asing melancarkan kecenderungan untuk membuka banyak cawangan di sini, kata para pegawai kanan Bank of Thailand (BOT) hari ini.

Langkah itu diterima secara terbuka oleh Menteri Kewangan, Somchai Hoontrakul, yang baru-baru ini berkata, beliau lebih suka melihat lebih banyak persaingan dalam bidang itu.

Para pegawai BOT berkata, garis-garis panduan yang baru

itu, juga membolehkan pembukaan lebih banyak bank yang didaftarkan, akan ditumukan awal tahun depan.

Walaupun bank-bank asing melancarkan kecenderungan untuk membuka banyak cawangan di sini, tiada satu pun dibenarkan menjalankan operasi lebih dari sebagai pejabat-pejabat kecil.

Memohon

"Sekurang-kurangnya lapan bank asing membuka pejabat wakil mereka di sini sejak dua tahun lalu dan kami menjangka ramal dari mere-

ka memohon untuk mendapatkannya. Asean membuka cawangan sebagai sahaja garis-garis panduan itu diluluskan," kata seorang pegawai kanan BOT.

Hanya bank-bank yang telah meyakinkan kerajaan bahawa mereka berpujasa memberi sumbangan ke arah menepati setengah-setengah target ekonomi Thailand akan dilayan.

Para pegawai itu berkata, kerajaan akan memberi ketidmewahan kepada bank-bank yang memberi perkhidmatan khusus seperti tawaran kepada pembiayaan perubatan jangka panjang. — Reuters.

Seorang lagi sarjan dakwa tembak Galman

MANILA, Selasa — Seorang sarjan tentera udara Filipina hari ini berkata beliau menembak berkali-kali ke arah lelaki yang didakwa membunuh bekas Senator Benigno Aquino, dengan senapan automatiknya kerana lelaki itu "cuba bangun" walaupun askar lain telah menembak kepala dan bahagian badannya.

Sarjan Ernesto Mateo, 29, memberitahu suruhanjaya yang menyalas pembunuhan musuh ketat politik Presiden Marcos pada 21 Ogos lalu, bahawa beliau adalah antara beberapa askar yang mula-mula sekali melompat keluar dari van "Senjata dan Taktik Khas" di lapangan terbang Manila, sebab sahaja Aquino ditembak.

Van itu kononnya digunakan untuk menjemput Aquino pulang dari Amerika Syarikat dan dibawa ke khemah tentera di Manila, di mana Marcos telah menahannya antara 1972 hingga 1980.

Securang lagi anggota tentera pasukan yang sama, Sarjan Rolando Guzman, memberitahu suruhanjaya itu minggu lalu, dia juga melihat Aquino ditembak dan menembak lelaki yang didakwa menembak Aquino itu, Rolando Galman, di kepulauan dan enam lagi tembakan di badannya.

Mateo, yang memberi keterangan di hadapan suruhanjaya itu berkata, sebaik sahaja dia melompat keluar dari van, dia melihat Aquino tersungkur di tanah dan Guzman, yang bersenjata pistol, menembak Aquino dengan senapan automatik 45-kaliber di sisi



Berlepas!

HOUSTON (Amerika Syarikat), Selasa — Kapal angkasa Columbia dilepaskan dari pelancar 39-A Pusat Angkasa Kennedy, Florida dalam cuaca cerah dan mendung. Para pegawai pusat itu dan orang ramai yang datang untuk melihat pelancaran itu, penerbangan Penyerbangan kapal angkasa itu, penerbangan menentang kemelut angkasa ulang-ulik ke

INI DIA MOTOSIKAL SERBA BARU

SUZUKI

RC80

Rusuhan: Ramai hadapi tuduhan mahkamah

MANILA, Selasa — Tujuh puluh tujuh orang ditangkap di Manila semasa beberapa orang lagi dihadapkan ke mahkamah dan didakwa atas kesalahan mengganggu ketenteraman awam.

Kira-kira 100,000 orang mengambil bahagian dalam perhimpunan memperingati hari ulang tahun ke-11 pemimpin pembangkang yang dibunuh, Benigno Aquino Jr. di Medan Quirino bertentangan Taman Rizal di sini.

Ini diikuti oleh demonstrasi anti-kerajaan di Liwasang Bon-

TRIPOLI (L...
Selasa — Par...
ding dalam Ar...
cuba mena...
Pembesaran...
lam Pertubuhan...
bebasan Pa...
(PLO) meng...
para pejuang...
Arafat menin...
kubu mereka...
di dan para pe...
tak sem b...
pangkalan men...

Lebanon isu

ROM, Selasa...
den Amin Ge...
hari ini berb...
dengan pemim...
mimpin Itali...
nai kemung...
menyambung...
rundingan pen...
negara antara...
puak yang ber...
ta Lebanon di...
Perdana Min...
Bettino Craxi, se...
memberitahu...
yang masih ber...
tuk mengadakan...

Ershar bertind... terhad... puak... penenta... keraja...

DHAKA, Selasa...
sukan kesel...
bertempur deng...
ribu-ribu penan...
rasaan yang me...
tah pererita...
tentera dalam...
sukan selama...
jan, menyebab...
bilangan awam...
nuh dan memb...
islah ten...